

**PERANAN MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA: ANTARA  
KEBERKESANAN UNDANG-UNDANGNYA DAN  
KEPERLUAN MASYARAKAT ISLAM**

oleh:  
Syeikh Shahmi bin Awang

## PENDAHULUAN

Undang-undang Islam telah pun menjadi undang-undang asas negara dan telah dilaksanakan dan ditadbirkan oleh mahkamah untuk menegakkan keadilan sejak zaman Kerajaan Kesultanan Melayu. Ini dapat dilihat melalui Undang-undang Melaka, Undang-undang Laut Melaka, Undang-undang Pahang, Undang-Undang Kedah dan Undang-undang 99 Perak. Dalam kes *Ramah Iwn Laton*<sup>1</sup>, Mahkamah Rayuan Negeri-Negeri Melayu Bersekutu telah memutuskan bahawa:

*“Undang-undang Islam bukanlah undang-undang asing tetapi merupakan undang-undang tempatan dan undang-undang negara. Mahkamah hendaklah mengambil perhatian dari segi kehakiman dan mestilah mengisytiharkan undang-undang tersebut”*

Mahkamah Syariah pada zaman Kesultanan Melayu tersebut menjadi mahkamah yang membicarakan kes-kes dengan rayuan kepada Raja. Sebagai contoh di Terengganu terdapat tiga buah mahkamah iaitu Mahkamah Balai, Mahkamah Hakim dan Mahkamah Syariah. Rayuan dibuat kepada Mahkamah Rayuan yang dipengerusikan oleh Raja.<sup>2</sup>

Kedatangan Inggeris telah mengubah sistem pentadbiran kehakiman di Tanah Melayu. Pengenalan undang-undang Inggeris seperti Ordinan Kontrak, Kanun Keseksaan dan Enakmen Undang-Undang Sivil 1937, dan penubuhan mahkamah-mahkamah awam di Negeri-Negeri Melayu telah meminggirkan undang-undang Islam yang hanya terhad kepada undang-undang diri dan kekeluargaan orang Islam sahaja. Sebagai kesan langsung daripada pengaruh perundangan Inggeris ini, maka peranan Mahkamah Syariah juga semakin kecil. Bidangkuasanya menjadi sempit dan tarafnya semakin rendah. Di Negeri-negeri Bersekutu diadakan susunan mahkamah seperti berikut:

- i) Mahkamah Agong iaitu Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Hakim;
- ii) Mahkamah Majistret Kelas Pertama;
- iii) Mahkamah Majistret Kelas Kedua;
- iv) Mahkamah Majistret Kelas Ketiga;
- v) Mahkamah Qadi dan Naib Qadi;
- vi) Mahkamah Penghulu.

Semasa penjajahan Inggeris, Mahkamah Syariah dikenali sebagai Mahkamah Qadi. Mahkamah ini pada asalnya berada dalam hierarki Mahkamah Persekutuan. Walaubagaimanapun, menjelang kemerdekaan, Mahkamah Qadi telah dikeluarkan daripada hierarki Mahkamah Persekutuan melalui Akta Mahkamah

<sup>1</sup> (1927) 6. FMSLR. 128

<sup>2</sup> Ahmad Mohamad Ibrahim, 1997, *Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, hlm 186

Rendah 1948. Pada masa itu, taraf dan kedudukan Mahkamah Qadi adalah amat rendah dan diletakkan sebagai Mahkamah Negeri.

Penubuhan Mahkamah Syariah di Malaysia selepas kemerdekaan adalah berasaskan peruntukan Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri untuk mentadbir undang-undang Islam yang digolongkan sebagai undang-undang diri (*personal law*) berasaskan kehendak Jadual Kesembilan Senarai 2, Butiran 1 -Senarai Negeri:

*“Kecuali mengenai Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan, berwasiat dan tidak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, mas kahwin, nafkah, pengangkatan, kesahatarafan, penjagaan, alang, pecah milik dan amanah bukan khairat; Wakaf dan takrif serta pengawalseliaan amanah khairat dan agama, pelantikan pemegang amanah dan pemerbadanan orang berkenaan dengan derma kekal agama dan khairat, institusi, amanah, khairat dan institusi khairat Islam yang beroperasi keseluruhannya di dalam Negeri; adat Melayu; Zakat, Fitrah dan Baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam, pewujudan dan penghukuman kesalahan yang dilakukan oleh orang yang menganut agama Islam terhadap perintah agama itu, kecuali berkenaan dengan perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; **keanggotaan, susunan dan tatacara mahkamah Syariah**, yang hendaklah mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang yang menganut agama Islam dan hanya berkenaan dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa berkenaan dengan kesalahan kecuali setakat yang diberikan oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan doktrin dan kepercayaan di kalangan orang yang menganut agama Islam; penentuan perkara mengenai hukum dan doktrin Syarak dan adat Melayu”*

Berdasarkan peruntukan Perlembagaan Persekutuan tersebut di atas, adalah jelas bahawa:

- i) Badan Perundangan Negeri hanya boleh membuat undang-undang tentang satu kesalahan yang hanya menjadi kesalahan jenayah jika dilakukan oleh orang Islam;
- ii) Badan Perundangan Negeri boleh menubuh Mahkamah Syariah tetapi tidak boleh membuat peruntukan bagi membenarkan Mahkamah Syariah membicarakan seseorang bukan Islam;

- iii) Mahkamah Syariah tidak diberi kuasa untuk menjatuhkan hukuman sewenang-wenangnya. Kuasanya diwakil oleh Parlimen.<sup>1</sup>

Perlembagaan Persekutuan memberi kuasa kepada Parlimen untuk menentukan had hukuman yang boleh dijatuhkan oleh Mahkamah Syariah. Undang-undang ini tidak digubal sehinggalah tahun 1965 yang memberi kuasa kepada Mahkamah Syariah menjatuhkan hukuman penjara tidak melebihi enam bulan atau denda tidak melebihi RM1,000.00 atau kedua-duanya.<sup>2</sup>

Pada tahun 1984, pindaan telah dibuat terhadap akta ini dan kuasa baru yang diperuntukkan kepada Mahkamah Syariah ialah penjara tiga tahun, sebatan enam kali dan denda RM5, 000.00.<sup>3</sup>

### **STRUKTUR PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH**

Pentadbiran Mahkamah Syariah pada masa ini telah dipisahkan dari organisasi Majlis Agama Islam dan Jabatan Agama Islam negeri-negeri, Pentadbiran Mahkamah Syariah diketuai oleh Ketua Hakim Syarie. Jawatan-jawatan Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Hakim Mahkamah Rendah Syariah, Ketua Pendaftar, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Penolong Pendaftar Mahkamah Rendah Syariah diwujudkan.

Mahkamah Syariah berfungsi untuk membicarakan atau memutuskan kes yang diperuntukkan oleh enakmen/akta berdasarkan apa yang telah disenaraikan dalam Perlembagaan Persekutuan Jadual Kesembilan, Senarai 2, Butiran 1. Pada lazimnya terdapat tiga tingkatan/ peringkat mahkamah berdasarkan bidangkuasa masing-masing iaitu:

- i) Mahkamah Rayuan Syariah;
- ii) Mahkamah Tinggi Syariah;
- iii) Mahkamah Rendah Syariah.

Mahkamah Rayuan Syariah mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Tinggi Syariah dalam menjalankan bidangkuasa asalnya dan juga terhadap keputusan rayuannya dari Mahkamah Rendah Syariah.<sup>4</sup>

Mahkamah Rayuan Syariah juga mempunyai bidangkuasa pengawasan dan

---

<sup>1</sup> Mohd Yusof Abd Rashid, (t,t), *Hukuman Sebat*, Kuala Lumpur : Institut Dakwah dan Latihan Islam, Jabatan Perdana Menteri, hlm 12-14.

<sup>2</sup> Akta Mahkamah Orang Islam (Bidangkuasa Jenayah) 1965

<sup>3</sup> Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984

<sup>4</sup> Seksyen 6(1) dan (2) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008

penyemakan ke atas Mahkamah Tinggi Syariah dan boleh, jika perlu demi kepentingan keadilan, memanggil dan memeriksa mana-mana rekod mengenai apa-apa arahan yang dikehendaki demi keadilan.<sup>1</sup>

Mahkamah Tinggi Syariah pula, dalam bidang kuasa jenayahnya, membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan boleh dihukum di bawah mana-mana undang bertulis yang berkuatkuasa berkaitan dengan pentadbiran undang-undang Islam, undang-undang keluarga Islam, tatacara jenayah Syariah, kesalahan jenayah Syariah, atau di bawah mana-mana undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang sedang berkuatkuasa, dan boleh mengenakan apa-apa hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

Dalam bidang kuasa malnya, Mahkamah Tinggi Syariah berbidangkuasa mendengar dan memutuskan semua tindakan dan prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam dan yang berhubungan dengan -

- i) Pertunangan, perkahwinan, *ruju'*, perceraian, pembubaran perkahwinan (*fasakh*), nusyuz, atau pemisahan kehakiman (*faraq*) atau apa-apa perkara yang berkaitan dengan perhubungan di antara suami isteri.
- ii) Apa-apa pelupusan atau tuntutan harta yang berbangkit daripada mana-mana perkara yang dinyatakan dalam perkara (i) di atas;
- iii) Nafkah orang di bawah tanggungan, anak yang sah, penjagaan kanak-kanak;
- iv) Wasiat, pemberian, harta sepencarian, wakaf atau nazar;
- v) Pembahagian dan perwarisan harta dan penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian harta si mati Islam;
- vi) Pengisytiharan status agama Islam seseorang;
- vii) Perkara lain yang diberi kuasa tadbir kepadanya oleh mana-mana undang-undang bertulis yang lain.<sup>2</sup>

Di samping itu, Mahkamah Tinggi Syariah juga berbidangkuasa mendengar dan memutuskan apa-apa rayuan terhadap apa-apa keputusan yang dibuat oleh Mahkamah Rendah Syariah serta menjalankan kuasa pengawasan dan semakan ke atas Mahkamah Rendah Syariah.<sup>3</sup>

<sup>1</sup> Seksyen 7(1) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008

<sup>2</sup> Seksyen 13(3) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008

<sup>3</sup> Seksyen 14 (1) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008

Mahkamah Rendah Syariah pula mempunyai bidangkuasa untuk mendengar dan memutuskan apa-apa kes mal yang beradadalam bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah jika amaun atau nilai hal perkara yang dipertikaikan itu tidak melebihi satu ratus ribu ringgit (RM100, 000.00) atau tidak dapat dianggarkan dengan wang (tidak termasuk tuntutan *hadhanah* atau harta sepencarian).

Bagi bidangkuasa jenayah, Mahkamah Rendah Syariah boleh membicarakan apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh seseorang Islam dan boleh dihukum di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berkuatkuasa berkaitan dengan pentadbiran undang-undang Islam, undang-undang keluarga Islam, tatacara jenayah Syariah, kesalahan jenayah Syariah, atau di bawah mana-mana undang bertulis lain yang menetapkan kesalahan-kesalahan terhadap rukun-rukun agama Islam yang baginya hukuman maksimum diperuntukkan tidak melebihi RM3 000.00 (tiga ribu) atau pemenjaraan selama tempoh dua tahun atau kedua-duanya.<sup>1</sup>

### **PERANAN DAN FUNGSI MAHKAMAH SYARIAH DI MALAYSIA**

Islam mengkehendaki agar keadilan dan kezaliman dihapuskan. Hak dan kepentingan individu wajib dijaga dan dipertahankan, ia tidak boleh dicabul. Di samping itu, kepentingan masyarakat juga hendaklah dipelihara dan dipertahankan. Hak dan kepentingan individu dan masyarakat ini hendaklah diselaraskan. Jika terdapat percanggahan, maka hendaklah diselesaikan<sup>2</sup>. Di sinilah letaknya peranan institusi kehakiman dalam Islam. Melaksanakan keadilan dan menghapuskan kezaliman merupakan antara falsafah sistem kehakiman dalam Islam<sup>3</sup>. Jika tidak ada institusi kehakiman Islam ini bererti kezaliman akan berterusan, sedangkan Islam mengkehendaki agar kezaliman dalam bentuk apa sekalipun hendaklah dihapuskan.

Inilah garis panduan yang ditetapkan oleh Allah SWT dan disebut dalam Al-Qur'an dalam surah *al-Nisa'* ayat 105 yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Kami menurunkan kepadamu (Wahai Muhammad) Kitab (Al-Quran) dengan membawa kebenaran, supaya engkau menghukum di antara manusia menurut apa yang Allah SWT telah tunjukkan kepadamu (melalui wahyu-Nya); dan janganlah engkau menjadi pembela bagi orang-orang yang khianat”*

---

<sup>1</sup> Seksyen 18 (2) Enakmen Mahkamah Syariah (Kedah Darul Aman) 2008

<sup>2</sup> Mahmud Saedon A. Othman, 1998, *Institusi Pentadbiran Undang-undang & Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, hlm 27

<sup>3</sup> Syeikh Ghazali bin Haji Abdul Rahman, *Masa Depan Mahkamah Syariah di Malaysia: Cabaran Dan Strategi Dalam Masyarakat Majmuk*, (1428 H.) JH Jld XXIII Bhg II, hlm168-170

Melalui ayat di atas, Allah SWT memerintahkan agar keadilan ditegakkan dan kebaikan dipupuk dan disuburkan. Manakala, dalam ayat 8 surah *al-Maa'idah*, Allah SWT berfirman yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah SWT, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada taqwa”*

Ayat ini memerintahkan kita agar berlaku adil walaupun terhadap golongan atau orang yang menjadi musuh kita. Ini kerana, perasaan benci dan marah boleh mendorong kita untuk tidak berlaku adil dan ini bertentangan sama sekali dengan prinsip kehakiman Islam.

Keadilan Islam tidak dapat ditegakkan melainkan dengan adanya pemerintahan Islam. Untuk tujuan itu, Baginda Rasullullah SAW telah menubuhkan kerajaan Islam pertama di Madinah al-Munawwarah yang berjaya menjelmakan keadilan Islam dalam semua aspek dan bidang termasuklah bidang sosial, ekonomi, perundangan dan kehakiman. Untuk melicinkan pentadbiran keadilan Islam, Islam memperkenalkan beberapa institusi penting seperti *wilayahmazalim*, *wilayahhisbah*, dan *wilayahal-qada'* atau kehakiman. Sejarah telah membuktikan bahawa yang institusi-institusi ini telah memainkan peranan penting dan berkesan di dalam usaha menegakkan keadilan seperti yang dituntut oleh Islam.

Untuk mencapai keadilan melalui undang-undang dan kehakiman Islam, empat perkara perlu ada iaitu hakim yang adil, undang-undang yang adil, perjalanan atau proses perbicaraan yang adil dan penghakiman atau hukuman yang adil.<sup>1</sup>

Dalam konteks di Malaysia, bagi memastikan Mahkamah Syariah dapat memainkan peranan sebagai penegak keadilan, pelbagai undang-undang telah digubal seperti Enakmen Mahkamah Syariah, Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah, Enakmen Tatacara mal Mahkamah Syariah dan Enakmen Tatacara Jenayah Syariah. Secara umumnya, fungsi Mahkamah Syariah di Malaysia berdasarkan had bidangkuasa yang telah ditetapkan oleh undang-undang ialah:

- i) Menguruskan permohonan pendaftaran kes-kes mal, jenayah dan faraid;

---

<sup>1</sup> Mahmud Saedon Awang Othman, 1998. “Proses Perbicaraan Di Mahkamah Syariah Dari Aspek Hukum” dlm. Ahmat Hidayat Buang (ed.), *Undang-undang Islam Di Mahkamah-Mahkamah Syariah Di Malaysia*, Kuala Lumpur: Universiti Malaya, hlm 2-3

- ii) Menguruskan perbicaraan kes mal, jenayah dan faraid;
- iii) Menguruskan perintah-perintah Mahkamah;
- iv) Menguruskan kes rayuan mal, jenayah dan faraid;
- v) Menguruskan surat akuan faraid.

### **KADAR JENAYAH YANG BERKAITAN DENGAN UNDANG-UNDANG SYARIAH DI MALAYSIA**

Dalam Islam, sesuatu tindakan dikira sebagai jenayah dan kesalahan apabila seseorang melakukan sesuatu perbuatan yang dilarang dan ada hukumannya. Ini bermakna bahawa sesuatu tindakan yang tidak dilarang atau tidak disuruh melalui nas-nas (teks) *syara'*, kekal dalam hukum yang asal iaitu harus. Misalnya minum arak, mencuri dan berzina adalah haram dan satu kesalahan jenayah kerana ada nas yang jelas melarangnya.

Undang-undang jenayah Islam bertujuan untuk mencapai *maqasid al-syariah* atau menjaga prinsip perundangan Islam yang di bawahnya tertakluk lima perkara yang menjadi hak asasi setiap manusia tidak kira bangsa, agama dan keturunan iaitu:

- i) menjaga agama;
- ii) menjaga jiwa dan nyawa;
- iii) menjaga akal;
- iv) menjaga keturunan;
- v) menjaga harta benda.

Para Sarjana Islam telah membahagikan kesalahan jenayah dalam Islam kepada tiga bahagian iaitu *hudud*, *qisas* dan *ta'zir*.

*Hudud* ialah kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman yang ditetapkan oleh Syarak dan wajib dilaksanakan. Kesalahan-kesalahan *hudud* ialah zina, *qazaf*, minum arak, mencuri, merompak, *riddah* dan *bughah*.

*Qisas* pula kesalahan di mana hukuman yang dikenakan kepada penjenayah adalah tepat, sama dan seimbang seperti dilakukannya kepada mangsanya. *Qisas* melibatkan nyawa, luka-luka, kecederaan pada badan atau anggota mangsa. Hukuman kepada penjenayah ini sama ada *qisas*, *diyat* atau dimaafkan oleh mangsa atau keluarganya.

*Ta'zir* ialah kesalahan jenayah yang tidak termasuk dalam kategori *hudud* dan *qisas*. Kesalahan *ta'zir* ialah kesalahan-kesalahan yang tidak ada *nassqat'i* yang menerangkan tentang hukuman-hukumannya tetapi perkara itu disebut sebagai kesalahan atau dikecam pelakunya. Contohnya menerima rasuah, tidak berpuasa, memakan harta anak yatim dan sebagainya. Manakala hukuman bagi kesalahan *ta'zir* boleh dilaksanakan daripada yang paling ringan seperti teguran dan kecaman sehinggalah yang hukuman yang paling berat iaitu hukum bunuh. Jenis-



jenis hukuman lain seperti penjara, buang negeri, sebat dan lain-lain bergantung kepada pemerintah.

Dalam konteks Mahkamah Syariah di Malaysia, falsafah pentadbiran keadilan jenayah Syariah yang ada pada hari ini hanya boleh dikategorikan sebagai hukuman *ta'zir* sahaja di bawah enakmen kanunjenayah Syariah negeri-negeri.<sup>1</sup> Kesalahan-kesalahan jenayah Syariah ini boleh dilihat peruntukannya di dalam tiga tempati iaitu:

- 1) Kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Undang-undang Pentadbiran Agama Negeri-negeri;
- 2) Kesalahan-kesalahan di bawah Enakmen/Ordinan/Akta Undang-undang Keluarga Islam Negeri-negeri;
- 3) Kesalahan-kesalahan di bawah Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah yang secara khusus memberikan peruntukan berkaitan dengan jenayah berke naan.

Pelbagai kesalahan yang terdapat dalam enakmen/ordinan/akta yang diletakkan di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Secara umumnya kesalahan tersebut boleh dibahagikan kepada enam kategori:

- i) Kesalahan berhubung dengan seks seperti persetubuhan haram, khalwat, sumbang mahram dan melacur;
- ii) Kesalahan berhubung dengan minuman keras seperti membeli, menjual dan meminum arak;
- iii) Kesalahan berhubung dengan aspek rukun Islam seperti tidak berpuasa pada bulan Ramadhan dan tidak membayar zakat fitrah;
- iv) Kesalahan dari aspek akidah seperti ajaran sesat, memberi pengajaran yang berlawanan dengan hukum Syarak dan menukar agama;
- v) Kesalahan *matrimoni* seperti tidak memberikan nafkah kepada isteri dan anak-anak, tidak taat kepada suami, menceraikan isteri tanpa kebenaran Mahkamah dan tidak *bermu'asyarah* dengan isteri.

---

<sup>1</sup>Daud Muhammad, *Falsafah Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah : Satu Penghayatan Semula*, (1436 H.) JH Jld 40 Bhg. 1, hlm 10.

- vi) Pelbagai kesalahan lain yang tidak termasuk dalam kategori di atas seperti pondan, melarikan isteri orang, mengeji Pegawai Hal Ehwal Islam.

Berdasarkan kepada pembahagian kesalahan-kesalahan tersebut di atas, didapati kesalahan dan hukuman *qisas* tidak diperuntukkan dengan nyata dalam mana-mana enakmen negeri. Kesalahan-kesalahan yang boleh dijatuhi hukuman *qisas* adalah kesalahan-kesalahan yang melibatkan nyawa manusia dan kecederaan tubuh badan dan hanya diperuntukkan dalam Kanun Keseksaan.

Mengenai kesalahan-kesalahan yang berbentuk hukuman *had* seperti zina, *qazaf* dan minuman yang memabukkan, ada diperuntukkan dalam enakmen-enakmen negeri. Namun, hukuman yang dijalankan hanyalah dalam bentuk *ta'zir* dan bukan *had*. Hal ini demikian kerana kebanyakan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan dalam enakmen negeri adalah bersifat *ta'zir* semata-mata.

Kebanyakan kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan adalah mengenai kesalahan-kesalahan berbentuk maksiat yang dilarang oleh agama dan bercanggah dengan nilai akhlak yang murni. Kesalahan ini boleh dikategorikan sebagai *ta'zir*. Kesalahan *ta'zir* ini mempunyai dua jenis, iaitu kesalahan yang melanggar hak Allah SWT dan kesalahan yang melanggar hak manusia.

Sejauhmanakah keberkesanan perundangan Syariah yang sedia ada di Malaysia dalam mengekang kesalahan-kesalahan Syariah tersebut? Untuk memudahkan kajian dan gambaran yang jelas, penganalisan umum mengikut kes jenayah yang didaftar di Mahkamah Syariah seluruh Malaysia bagi tahun 2011-2013<sup>1</sup> dikemukakan seperti di bawah ini:

| <b>Negeri</b>   | <b>2009</b> | <b>2010</b> | <b>2011</b> | <b>2012</b> | <b>2013</b> |
|-----------------|-------------|-------------|-------------|-------------|-------------|
| Johor           | 4204        | 3867        | 3546        | 2758        | 1909        |
| Kedah           | 281         | 449         | 367         | 440         | 1293        |
| Kelantan        | 2054        | 2531        | 2892        | 2810        | 3032        |
| Melaka          | 643         | 579         | 2765        | 1235        | 915         |
| Negeri Sembilan | 2218        | 1210        | 287         | 1107        | 1497        |
| Pahang          | 559         | 1131        | 876         | 906         | 2196        |
| Perak           | 1525        | 1377        | 1682        | 1368        | 1161        |
| Perlis          | 424         | 397         | 355         | 397         | 236         |
| Pulau Pinang    | 1085        | 790         | 1511        | 1752        | 1135        |

<sup>1</sup> Musa Awang, 2015. *Di Manakah Kita Dalam Pemantapan Keadilan Jenayah Syariah*, 27 Kanun (1), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm.77

|                     |           |           |           |           |           |
|---------------------|-----------|-----------|-----------|-----------|-----------|
| Sabah               | 313       | 265       | 450       | 700       | 1205      |
| Sarawak             | 205       | 212       | 244       | 95        | 81        |
| Selangor            | 1791      | 2400      | 1710      | 1833      | 2795      |
| Terengganu          | 1078      | 917       | 1222      | 1061      | 827       |
| Wilayah Persekutuan | 1483      | 2019      | 1535      | 1728      | 1201      |
| <b>JUMLAH</b>       | <b>17</b> | <b>18</b> | <b>19</b> | <b>18</b> | <b>19</b> |
|                     | <b>8</b>  | <b>1</b>  | <b>4</b>  | <b>1</b>  | <b>4</b>  |
|                     | <b>6</b>  | <b>4</b>  | <b>4</b>  | <b>9</b>  | <b>8</b>  |
|                     | <b>3</b>  | <b>4</b>  | <b>2</b>  | <b>0</b>  | <b>3</b>  |

Jadual di atas menunjukkan peningkatan pendaftaran kes jenayah syariah di Mahkamah Syariah seluruh negara, dari tahun 2009 sehingga tahun 2013. Walaupun terdapat sedikit penurunan pada tahun 2012, namun jumlahnya meningkat semula pada tahun 2013, melebihi jumlah pada tahun 2011. Pada tahun 2009, jumlah kes jenayah yang didaftarkan di pejabat pendaftar Mahkamah Syariah seluruh negeri berjumlah 17 863 kes, meningkat kepada 18 144 pada 2010. Jumlah pendaftaran meningkat pada tahun 2011, 19 442 kes. Pada tahun 2012, jumlah pendaftaran kes jenayah syariah menurun kepada 18 190 tetapi kembali meningkat pada tahun 2013 kepada 19,483 kes. Keseluruhannya berlaku peningkatan kesalahan jenayah syariah di seluruh negara.

Peningkatan jenayah syariah ini perlu diambil perhatian. Antara persoalan penting yang perlu diambil perhatian dengan hukuman yang dijatuhkan. Kajian mendapati bahawa trend penghukuman di Mahkamah Syariah banyak tertumpu kepada hukuman denda, manakala penjara dan sebatanpula jarang dikenakan. Hal ini banyak dipengaruhi oleh faktor kedudukan sesuatu kes itu seperti kesalahan pertama, kepentingan awam, keinsafan pesalah dan keringanan sesuatu kesalahan.<sup>1</sup>

Terdapat lebih kurang 60 kesalahan jenayah syariah yang memperuntukkan hukuman penjara. Falsafah hukuman penjara dalam Islam bermotifkan antara lain memberi peluang kepada pesalah menjalani sesi pemulihan dan bertaubat. Ia bukan bertujuan menyeksa pesalah dengan menarik balik hak kebebasan mereka. Ia juga berbeza dengan hukuman penjara sivil. Sepatutnya pesalah syariah ini diberi ruang dan peluang bagi memperbaiki kesilapan lalu dengan penekanan kepada aspek akidah, akhlak dan syariah. Kesalahan-kesalahan jenayah syariah kebanyakannya bersifat separa jenayah iaitu berbentuk maksiat yang dilarang oleh agama dan bercanggah dengan nilai akhlak yang murni. Pemulihan iman dan pementapan akhlak mungkin sesuai juga diterapkan sebagai sebahagian hukuman mendidik masyarakat.

<sup>1</sup> Siti Zubaidah Ismail, 2009, *Dasar Dan Amalan Penghukuman Kes Jenayah Di Mahkamah Syariah: Ke mana Halatuju?*, JH Jil 27 Bhg. 1, hlm. 1-20

Malangnya, buat masa ini semua pesalah sama ada pesalah jenayah ataupun jenayah syariah ditempatkan dalam penjara yang sama. Seorang pesalah jenayah syariah seperti berpoligami tanpa kebenaran ataupun berkhawat mungkin diletakkan dipenjara yang sama dengan pesalah jenayah berat seperti membunuh, dadah, rogol dan merompak.

Terdapat beberapa kes yang dilaporkan, yang mana hakim bicara menjatuhkan hukuman penjara kepada pesalah, namun hukuman itu diubah pada peringkat rayuan.<sup>1</sup>

Walaupun hukumannya itu dapat mengurangkan maksiat akan tetapi ia masih tidak menepati konsep pembalasan dan pencegahan dalam Islam. Denda yang dikenakan hanyalah sebagai satu kemestian yang perlu dibayar oleh pesalah tanpa memberi pengajaran dan tidak dapat membentuk pencegahan kepada manusia secara keseluruhannya.

Jika keadaan ini terus berlaku di Mahkamah Syariah, ianya akan mengurangkan keberkesanan tujuan sesuatu hukuman itu dijatuhkan. Salah satu tujuan hukuman adalah untuk memberi pengajaran dan pencegahan.<sup>2</sup>

Disamping itu, masalah berkaitan penguatkuasaan agama juga perlu diambil perhatian seperti masalah kekurangan Pegawai Penguatkuasa Agama dan masalah logistik seperti kekurangan peralatan komunikasi dan kekurangan kenderaan operasi. Ini kerana penguatkuasaan agama juga memainkan peranan yang penting dalam pencegahan maksiat dan memastikan undang-undang kesalahan Syariah yang sedia ada dapat berfungsi dengan sewajarnya.

Secara umumnya undang-undang Syariah yang sedia ada masih belum dapat membendung kesalahan-kesalahan jenayah secara berkesan. Oleh itu, pelaksanaan undang-undang Syariah ini perlu diperkasakan lagi dari aspek hukuman dan penguatkuasaan.

## **RASIONALNYA MAHKAMAH SYARIAH DIPERKASAKAN DAN DIPERKUATKAN**

Sejak mencapai kemerdekaan, pelbagai usaha dan langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memperbaiki dan meningkatkan kedudukan Mahkamah Syariah. Antaranya ialah:

- i) Meminda Perlembagaan Persekutuan iaitu memperuntukkan bahawa Mahkamah Tinggi dan mahkamah di bawahnya tidak mempunyai

---

<sup>1</sup> Siti Zubaidah Ismail, 2014, *Pemeriksaan Mahkamah Syariah Dalam Pengurusan Kes Jenayah Syariah*, **JH**. Jld 38 Bhg 1, hlm. 17-25

<sup>2</sup> Mohd Fazrin Hamdan, 2015, 'Pelaksanaan Undang-undang Islam di Mahkamah Syariah Johor Bahru', *Journal of Human Development and Communication Volue 4*, hlm 111-124

bidangkuasa bagi perkara-perkara di bawah bidangkuasa Mahkamah Syariah<sup>1</sup>;

- ii) Pentadbiran Mahkamah Syariah telah dipisahkan dan diasingkan daripada Majlis Agama Islam bagi menggalakkan suasana bebas Mahkamah Syariah;
- iii) Beberapa undang-undang Islam antara negeri-negeri telah diseragamkan seperti undang-undang keluarga Islam, undang keterangan Islam dan undang-undang tatacara mal dan jenayah Mahkamah Syariah bagi menyeragamkan undang-undang dan keputusan di Mahkamah Syariah;
- iv) Mewujudkan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) di bawah Jabatan Perdana Menteri yang bertanggungjawab memastikan sistem perundangan Syariah di Malaysia ditadbir dengan cekap dan berkesan serta meningkatkan imej Mahkamah Syariah di Malaysia.

Selain itu terdapat lagi pelbagai usaha dan langkah yang dicadangkan untuk mempertingkatkan kedudukan Mahkamah Syariah. Antaranya ialah usaha meminda had bidangkuasa jenayah Mahkamah Syariah<sup>2</sup>. Pada masa ini, Mahkamah Syariah hanya mempunyai bidang kuasa menjatuhkan hukuman penjara tiga tahun, sebatan enam kali dan denda RM5,000.00. Ada juga cadangan untuk mengubah struktur tingkatan Mahkamah Syariah dari tiga tingkat kepada lima tingkat. Kenapa perlunya kedudukan Mahkamah Syariah ini dipertingkatkan dan diperkasakan?

Mahkamah Syariah perlu dipertingkatkan dan diperkasakan kedudukannya dalam sistem kehakiman di Malaysia atas beberapa alasan. Antaranya:

- i) Islam yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan bukan hanya setakat prinsip kepercayaan dan amal ibadah *khususiyah* semata-mata, malah Islam yang menjadi tanggungjawab kenegaraan itu adalah Islam yang *syumul* dan sempurna sebagaimana yang telah diputuskan oleh mahkamah tertinggi Negara – Mahkamah Persekutuan dalam kes ***Lina Joy Iwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & 1 Lagi***<sup>3</sup> yang memberikan tafsiran luas kepada Islam yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan.

*“Islam itu bukan sahaja suatu himpunan dogma-dogma dan ritual-ritual tetapi ianya adalah juga suatu cara hidup yang lengkap merangkumi semua bidang aktiviti manusia,*

<sup>1</sup> Perkara 121(1A) Perlembagaan Persekutuan

<sup>2</sup> Rang Undang-undang (RUU) Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 2016.

<sup>3</sup> [2007] 4 MLJ 585

*persendirian atau awam, perundangan, politik, ekonomi, sosial, budaya, moral atau kehakiman.”*

Sebagai mahkamah yang diberikuasa mentadbir undang-undang Islam, dengan memperkasakan Mahkamah Syariah akan terus mendaulatkan lagi Islam sebagai agama Persekutuan.

- ii) Perlembagaan Persekutuan telah menyerahkan kuasa penubuhan Mahkamah Syariah kepada Pihak Berkuasa Negeri. Ianya berbeza dengan Mahkamah Sivil apabila Perlembagaan Persekutuan secara khusus menubuhkan Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan. Ini tidak bermakna kedudukan Mahkamah Syariah adalah lebih rendah daripada Mahkamah Sivil. Ini dijelaskan lagi melalui pindaan Perkara 121. Pindaan ini menyatakan bahawa Mahkamah Tinggi dalam sistem Mahkamah Sivil tidak mempunyai bidangkuasa dalam perkara Mahkamah Syariah mempunyai kuasa. Pindaan ini dengan jelas menegah Mahkamah Sivil daripada mencampuri urusan penghakiman Mahkamah Syariah oleh sebab Mahkamah Syariah bukanlah mahkamah rendah dalam sistem Mahkamah Sivil tetapi ia merupakan satu sistem mahkamah yang setaraf dan berjalan selari dengan sistem Mahkamah Sivil. Oleh itu, Mahkamah Syariah wajar diperkemaskan selari dengan kedudukan Mahkamah Sivil.
- iii) Mahkamah Syariah juga seperti Mahkamah Sivil mempunyai tugas dan tanggungjawab yang penting untuk memberi keadilan kepada masyarakat. Tugas ini hendaklah dijalankan bukan sahaja dengan adil dan saksama tetapi juga tanpa kelewatan yang tidak munasabah. Kecekapan Mahkamah Syariah adalah berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat terhadap mahkamah secara am. Jika berlaku kelewatan yang tidak sepatutnya sudah tentu kepercayaan kepada mahkamah akan terhakis. Dalam hubungan ini, adalah wajar Mahkamah Syariah diperkasakan bagi memastikan keadilan dapat dilaksanakan dengan sewajarnya.
- iv) Mahkamah Syariah jauh lebih dahulu wujud berbanding Mahkamah Sivil. Namun pembangunan Mahkamah Syariah terbantut kerana tidak diberi perhatian oleh penjajah Inggeris. Kejanggalan terhadap Mahkamah Syariah di Malaysia diperteguh-kan dengan sistem yang ada tidak menyokong ke arah memartabatkan Mahkamah Syariah. Umpamanya perbezaan dari struktur hieraki Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil, prasarana Mahkamah Syariah yang agak ketinggalan daripada Mahkamah Sivil dan peruntukan kuasa menjatuhkan hukuman yang terlalu kecil. Contoh-contoh ini menunjukkan amatlah perlu diperkasakan Mahkamah Syariah supaya kewujudan Mahkamah Syariah seiring dengan peredaran

masa dan memastikan Mahkamah Syariah relevan pada setiap masa.<sup>1</sup>

Oleh itu, adalah wajar kedudukan Mahkamah Syariah di Malaysia dipertingkatkan dan diperkasakan kerana kewujudannya diiktiraf oleh Perlembagaan Persekutuan dan Mahkamah Syariah juga memainkan peranan penting dalam sistem kehakiman di Malaysia.

### **PENERIMAAN MASYARAKAT TERHADAP UNDANG-UNDANG SYARIAH DAN IMPLIKASI DARI PELAKSANAANYA**

Undang-undang Syariah adalah lengkap dan *syumul*, sesuai dilaksanakan di dalam kehidupan seluruh umat manusia setiap zaman dan tempat<sup>2</sup>. Dari segi keluasan dan kesempurnaannya, undang-undang Syariah meliputi seluruh aspek kehidupan manusia. Samada dari segi aspek akidah, akhlak, ibadat, muamalat, munakahat, jenayah, keterangan dan acara, undang-undang pentadbiran, undang-undang laut, undang-undang tanah, undang-undang perlembagaan dan jihad.<sup>3</sup>

Namun begitu, pelaksanaan undang-undang Syariah di Malaysia hanya terhad dan tertumpu kepada undang-undang diri (personal law) dan kesalahan-kesalahan agama sahaja. Perkara-perkara yang diperuntukkan secara khusus sahaja yang tertakluk kepada undang-undang Islam dan selainnya tertakluk kepada undang-undang Sivil.

Namun begitu, usaha memperkembangkan undang-undang Islam di Malaysia tidak terhenti dengan perkara yang terkandung dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan sahaja yang menjurus kepada undang-undang diri dan kesalahan-kesalahan agama semata-mata. Undang-undang Islam turut berperanan dalam bidang kewangan dan perbankan yang bersifat komersil yang sebelum ini hanya tertakluk kepada undang-undang Inggeris<sup>4</sup> dan berada dalam bidang kuasa kerajaan Persekutuan.

Akta Bank Islam 1983 telah diluluskan untuk memberi laluan kepada penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad untuk memberi pilihan kepada semua rakyat Malaysia untuk memilih sistem kewangan yang memenuhi kehendak agama

---

<sup>1</sup> Zainul Rijal Abu Bakar. 17/11/2011., *Peranan Martabatkan Mahkamah Syariah*, Utusan Malaysia.

<sup>2</sup> Abd al-Saidi, 1962, *al-Siyasah al-Islamiyyah Fi Ahdi al-Khulafa' al-Rashidin*, Kaherah : Dar al-Fikri al-Arabi, hlm 5-6

<sup>3</sup> Abu Bakar Abdullah, 2014, *Pelaksanaan Undang-undang Islam di Malaysia : Masalah Dan Penyelesaian*, Kuala Terengganu: Pustaka Damai MTT, hlm 166

<sup>4</sup> Norhasimah Mohd. Yasin, 1996, *Islamisation/Malaynisation: A Study on the Role of Islamic Law in the Economic Development of Malaysia: 1969 – 1993*, Kuala Lumpur: A.S. Noordeen, hlm 43-44

Islam. Pada tahun 1993, bank perdagangan, bank saudagar dan syarikat kewangan telah diberi kebenaran untuk menawarkan produk dan perkhidmatan perbankan Islam. Akta Takaful 1984 diperkenalkan bagi membenarkan syarikat insuran berasaskan Islam beroperasi. Akta Pelaburan Kerajaan 1983 juga diperkenalkan bagi membolehkan kerajaan menerbitkan bon berdasarkan prinsip *qard-ul-hassan*. Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang mengeluarkan bon kerajaan berasaskan prinsip-prinsip Islam.<sup>1</sup>

Skop undang-undang Islam yang dilaksanakan di Malaysia adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pentadbiran yang berbeza. Sebahagiannya adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Badan Perundangan Negeri dan sebahagiannya adalah di bawah bidang kuasa kerajaan Persekutuan. Kewujudan bidangkuasa yang berbeza ini telah menimbulkan beberapa implikasi terhadap pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia. Antara implikasi-implikasi yang timbul ialah<sup>2</sup>:

- i) Tidak wujud harmonisasi dalam undang-undang Islam di bawah bidang kuasa negeri-negeri berbanding undang-undang Islam di bawah bidangkuasa Persekutuan.

Walaupun usaha pengharmonian dalam mewujudkan undang-undang Islam di peringkat negeri-negeri telah menampakkan hasilnya apabila setiap negeri mempunyai enakmen-enakmen yang hampir sama peruntukannya dalam mentadbir undang-undang Islam, namun begitu, masih ada ketidakharmonian aspek peruntukkan undang-undang antara negeri-negeri di Malaysia. Contohnya undang-undang bagi mengawal perkembangan agama bukan Islam kepada orang Islam. Hanya negeri Kedah, Perak, Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu, Pahang dan Kelantan yang sudah mempunyai Enakmen Kawalan dan Sekatan Pengembangan Agama Bukan Islam kepada Orang Islam. Sebaliknya negeri Perlis, Wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak masih belum mempunyai enakmen sedemikian. Justeru, ini memperlihatkan masih belum wujud harmonisasi dari segi penggubalan undang-undang bagi mentadbir urusan hal ehwal agama Islam di Malaysia.

- ii) Skop undang-undang Islam tertakluk kepada dua sistem mahkamah yang berbeza. Bagi skop undang-undang di bawah bidangkuasa negeri-negeri,

---

<sup>1</sup> Khairil Azmin Mokhtar, 2007, "Federalisme Dan Pembahagian Kuasa: Penggubalan Undang-undang Islam Antara Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri", dlm. Mahamad Ariffin (Ed), *Pentadbiran Undang-undang Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka, hlm 50-51.

<sup>2</sup> Alias Azhar dan Mohammad Azam Hussain, 2012, *Perluasan Skop Undang-undang Islam Di Malaysia: Aplikasi dan Implikasinya*, *Jurnal Syariah*, Jil. 20, Bil. 2, Kuala Lumpur: University Malaya, hlm 163-184.



Mahkamah Syariah di negeri-negeri terbabit adalah mempunyai bidangkuasa untuk membicarakan kes-kes yang berkaitan dengan hal ehwal agama Islam.

Berbeza dengan undang-undang berkaitan sistem kewangan Islam yang jatuh di bawah bidangkuasa Persekutuan. Ianya adalah tertakluk kepada bidangkuasa Mahkamah Sivil berdasarkan kepada tafsiran perenggan 4 dalam Senarai I, Jadual Kesembilan yang mana undang-undang kewangan Islam adalah termasuk dalam kategori undang-undang perdagangan. Dalam kes *Bank Islam Malaysia Bhd lwn Adnan bin Omar*<sup>1</sup>, mahkamah dalam kes ini memutuskan bahawa Mahkamah Sivil adalah mempunyai bidangkuasa mendengar kes-kes berkaitan perbankan Islam dan lain-lain kes perdagangan Islam atas alasan:

- (a) Mahkamah Syariah hanya boleh memutuskan kes-kes yang jatuh di bawah Senarai Negeri yang tidak termasuk undang-undang perdagangan seperti perbankan Islam; dan
- (b) Mahkamah Syariah hanya boleh memutuskan kes apabila pihak-pihak yang terlibat adalah seorang Islam.

Oleh itu, jelas memperlihatkan bahawa skop undang-undang Islam di Malaysia tidak lagi terbatas dengan skop yang dibenarkan dalam Jadual Kesembilan, Senarai II, Perlembagaan Persekutuan. Ianya kini turut meliputi sektor kewangan Islam yang terdiri daripada perbankan Islam, takaful dan juga pasaran modal Islam. Implikasi-implikasi yang timbul hasil daripada pembahagian skop bidangkuasa antara Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil perlulah diberi perhatian dan langkah-langkah penambahbaikan yang sewajarnya perlulah dilakukan oleh pihak-pihak berkaitan agar pelaksanaan undang-undang Islam di Malaysia menjadi contoh dan ikutan terbaik kepada negara-negara luar.

## **PENUTUP**

Mahkamah Syariah di Malaysia telah mengalami banyak perubahan terutama dari segi pentadbiran yang lebih cekap dan sebagainya. Mahkamah Syariah telah pun diberi pengiktirafan oleh masyarakat dan diberikuasa untuk mentadbir keadilan undang-undang Islam. Apa yang perlu terus dilakukan ialah untuk terus meningkatkan dan memantapkan kedudukan Mahkamah Syariah agar kedudukannya selari dengan Mahkamah Sivil.

---

<sup>1</sup>(1994) 3 CLJ 735